



Terbitan : *Harian Metro*

Tarikh : *30/5/2023*

M/S : *16*

Rampas dadah RM81.3j dalam 5 bulan pertama

Kuala Lumpur: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) merampas dadah bernilai RM81.3 juta dalam tempoh lima bulan pertama tahun ini membatikan lebih 2,410.2 kilogram (kg).

Rampasan dadah terbesar adalah daripada jenis kanabis lebih 1,307 kg, diikuti MDA ecstasy (1,071.1 kg), methamphetamine (21.5 kg), heroin (3.7 kg) dan eramin 5 (10,003 biji).

Selain itu, JKDM berjaya menumpaskan cubaan menyeludup barang bersubsidi seperti diesel, minyak masak, petrol dan gula.

Jumlah keseluruhan kes penyeludupan yang berjaya ditumpaskan pada tahun ini setakat April lalu membatikan 48 kes dengan nilai rampasan sebanyak RM432,659.48.

Pada tahun lalu, JKDM merekodkan sebanyak 100 kes penyeludupan

dengan rampasan bernilai RM573,688.07.

Timbalan Menteri Kewangan I Datuk Seri Ahmad Maslan berkata, JKDM tidak berkompromi berkaitan aktiviti penyeludupan di negara ini dan sentiasa tegas dalam menguatkuasakan undang-undang.

Katanya, JKDM sentiasa berusaha memperkasakan kawalan dan penguatkuasaan dengan penggunaan teknologi bagi membendung aktiviti penyeludupan termasuk menggunakan mesin pengimbas yang menjadi salah satu kaedah untuk mengekang kegiatan penyeludupan.

Setakat ini, beliau berkata, JKDM memiliki 109 mesin pengimbas bagasi, empat mesin pengimbas badan dan enam mesin pengimbas kargo udara dengan

keseluruhannya berjumlah 119 unit.

Rampasan dadah terbesar adalah daripada jenis kanabis

Diskaun penalti 100% sehingga 31 Mei tahun depan

Kuala Lumpur: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) menawarkan remisi atau diskaun penalti sebanyak 100 peratus menerusi pelaksanaan Program Pengakuan Sukarela (VDP) bermula awal bulan depan sehingga 31 Mei 2024.

Timbalan Menteri Kew-

angan I Datuk Seri Ahmad Maslan yang mengumumkan perkara itu berkata, ia diberikan kepada pemohon yang memenuhi syarat ditetapkan.

Beliau berkata, penganjuran VDP dibuat kerana kerajaan prihatin dengan permasalahan syarikat dan in-

dustri bagi memudahkan pihak terbabit mengurus mengenai cukai tak langsung secara terus dengan JKDM.

"Cukai yang terlibat dalam program ini adalah semua cukai yang bertanggung sehingga 28 Februari 2023.

"Tidak termasuk semua tanggungan cukai atau pe-

nalti yang sedang atau telah disiasat oleh Bahagian Penguatkuasaan JKDM.

"Juga tidak termasuk bil tuntutan yang telah dikeluarkan oleh JKDM atau kes-kes tribunal atau mahkamah yang sedang dalam perbicaraan," katanya dalam satu kenyataan, semalam.